



SELAMAT MENYAMBU

Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia
2021

1. PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA (BN) BAGI TAHUN 2021 (PINDAAN 4/2021)

Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2021 (Pindaan 4/2021) dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris telah dimuat naik ke Portal Rasmi LHDNM seperti berikut:

(a) www.hasil.gov.my > Borang > Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2021 (Pindaan 4/2021); atau

(b) Capaian pantas di pautan :
http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2021_Pin.4_1.pdf

3. CUKAI SYARIKAT

Cukai syarikat atau cukai korporat dikenakan ke atas syarikat bermastautin (sendirian berhad dan berhad) yang memperoleh pendapatan :

- i) Di Malaysia; dan
- ii) Dari luar Malaysia (bagi syarikat insurans, pengangkutan laut/udara dan perbankan)

Tanggungjawab pembayar cukai syarikat :

- i) Laporan pendapatan serta transaksi kewangan syarikat dalam Borang Nyata C, dan hantar dalam tempoh yang ditetapkan;
- ii) Kemukakan anggaran cukai dan bayar ansuran mengikut tempoh;
- iii) Kira cukai pendapatan dan bayar baki cukai sekiranya ada; dan
- iv) Simpan rekod-rekod perniagaan bagi tujuan audit

Tarikh akhir penghantaran borang nyata dan bayaran baki cukai adalah dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunan.

Maklumat lanjut berhubung cukai syarikat boleh diperoleh daripada Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > Syarikat.



2. CUKAI PEGANGAN

Cukai pegangan ialah satu amaun yang dipegang oleh pembayar terhadap pendapatan yang diterima oleh penerima bukan pemastautin (individu/badan selain individu) dan dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Jenis bayaran, kadar cukai dan denda :

Jenis bayaran	Tertakluk kepada jenis cukai pegangan mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967
Kadar cukai	
Denda lewat atau tiada cukai pegangan dikemukakan kepada LHDNM dalam tempoh satu bulan selepas tarikh bayaran kepada penerima	10% daripada jumlah cukai pegangan yang belum dibayar.

Maklumat lanjut berhubung cukai pegangan boleh diperoleh daripada Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > Perundangan > Cukai Pegangan.

4. AUDIT PEMATUHAN CUKAI

LHDNM menjalankan dua (2) jenis audit pematuhan iaitu audit meja dan audit luar :

AUDIT MEJA	AUDIT LUAR
i) Dijalankan di pejabat LHDNM	i) Dijalankan di pejabat LHDNM, premis pembayar cukai atau mana-mana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
ii) Melibatkan isu-isu atau pelarasan pendapatan dan cukai yang boleh diselesaikan melalui surat - menyurat.	ii) Melibatkan semakan rekod perniagaan.
iii) Semakan dibuat ke atas semua maklumat pendapatan dan perbelanjaan serta pelbagai jenis tuntutan yang dibuat oleh pembayar cukai dalam borang nyata.	iii) Bagi kes perniagaan milik tunggal dan perkongsian, sekiranya rekod perniagaan tidak disimpan dengan lengkap, semakan boleh melibatkan pemeriksaan rekod bukan perniagaan pembayar cukai seperti penyata bank persendirian dan sebagainya.

Maklumat lanjut berhubung audit pematuhan cukai boleh diperoleh daripada Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > Perundangan > Rangka Kerja Audit LHDNM.